

INOVASI KOD JAWI MANIFESTASI KEBERHASILAN TADABBUR AL-QURAN

INNOVATION OF THE JAWI CODE: A MANIFESTATION OF THE OUTCOME OF QUR'ANIC TADABBUR

Adnan Mohamed Yusoff^{1*}

Nurul Syala Abdul Latip²

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: adnan@usim.edu.my)

² Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: nurulsyala@usim.edu.my)

*Corresponding author: adnan@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Yusoff, A. M., & Abdul Latip, N. S. (2025). Inovasi kod Jawi manifestasi keberhasilan tadabbur Al-Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 598 – 612.

Abstrak: Keajaiban dan kemukjizatan Kitab Suci al-Quran tiada kesudahannya kerana ia adalah Kalam Allah SWT yang ilmuNya tiada berpenghujung. Justeru, para ilmuwan dan pengkaji sejak era awal perkembangan Islam telah berjaya mengeluarkan daripadanya berbagai mutiara ilmu serta panduan hidup menerusi penelitian berterusan mereka terhadap ayat, susunan dan pendekatannya. Dalam konteks perkembangan semasa kajian, sebuah inovasi yang dinamakan sebagai Kod Jawi, menawarkan panduan bagi sesuatu perancangan dan tindakan yang hendak dilaksanakan oleh individu, kumpulan, masyarakat atau organisasi berasaskan intipati kandungan surah yang mewakili Huruf Jawi pada penamaannya. Walau bagaimanapun, intipati surah yang dikemukakan dalam bentuk perkataan atau ungkapan ringkas, menimbulkan tanda tanya tentang kaedah pengekstrakannya sehingga terhasil dalam bentuk kod. Kajian ini bertujuan untuk menelusuri metod dan kaedah yang digunakan oleh Pengasas Kod Jawi, Tuan Guru Mohamed bin Abbas dalam merumuskan kandungan surah-surah terlibat dan meringkaskannya menjadi satu perkataan atau ungkapan yang mewakili setiap huruf dalam tulisan Jawi. Ia merupakan sebuah kajian kualitatif diskriptif terhadap amalan serta dokumentasi yang ditinggalkan oleh beliau sepanjang usaha penelitian atau tadabburnya sehingga berjaya menghasilkan kod ini. Selain itu, maklumat tambahan daripada temu bual bersama para murid dan rakan beliau yang hampir dan arif tentang usaha ini juga turut dirujuk bagi melengkapkan maklumat kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kesungguhan, keikhlasan dan keistiqamahan tokoh ini akhirnya berjaya membuahkan satu inovasi menarik dalam memberi makna dan nilai tambah baharu kepada Tulisan Jawi berlandaskan petunjuk daripada al-Quran. Kod Jawi juga telah berjaya menelusuri jalannya untuk sampai kepada beberapa kumpulan sasaran dan menunjukkan potensi yang sangat baik untuk menjadi panduan kepada masyarakat, dalam mensejahterakan urusan kehidupan mereka. Kajian ini diharapkan akan dapat memberikan implikasi yang baik kepada para pemegang taruh, agar usaha semua pihak dalam mengangkat martabat jati diri dan warisan bangsa menerusi Tulisan Jawi dapat diperkasakan.

Kata Kunci: *al-Quran, Kod Jawi, Mohamed bin Abbas, tadabbur, Melayu.*

Abstract: *The wonders and miracles of the Holy Qur'an are endless, as it is the Word of Allah SWT whose knowledge has no limit. Consequently, scholars and researchers since the early development of Islam have successfully derived numerous pearls of wisdom and life guidance through their continuous examination of its verses, structure, and approach. In the context of contemporary research, an innovation known as the Jawi Code offers guidance for planning and actions to be undertaken by individuals, groups, communities, or organizations based on the essence of the surahs represented by the Jawi letters in their naming. However, the essence of the surahs presented in the form of words or brief expressions raises questions regarding the extraction method that resulted in the code. This study aims to explore the methodology and approach employed by the founder of the Jawi Code, Tuan Guru Mohamed bin Abbas, in summarizing the content of the relevant surahs and condensing them into a single word or expression representing each letter in Jawi script. It is a qualitative descriptive study of the practices and documentation left by him throughout his efforts of reflection (tadabbur) that culminated in the creation of this code. Additionally, supplementary information from interviews with his close students and associates knowledgeable about this endeavor was also consulted to complete the study data. The findings reveal that the persistence, sincerity, and steadfastness of this figure ultimately produced an intriguing innovation that adds meaning and new value to Jawi script based on guidance from the Qur'an. The Jawi Code has also successfully reached several target groups and demonstrated significant potential as a guide for society in ensuring the well-being of their lives. This study is expected to provide positive implications for stakeholders so that collective efforts to uphold the dignity and heritage of the nation through Jawi script can be strengthened.*

Keywords: *Qur'an, Jawi Code, Mohamed bin Abbas, tadabbur, Malay.*

Pendahuluan

Ibarat kata pepatah Melayu, di mana ada kemahuan di situ ada jalan, begitulah umpamanya pemikiran yang bermain di minda Allahyarham Tuan Guru Mohamed bin Abbas, apabila melihat nasib Tulisan Jawi yang semakin dipinggirkan oleh anak bangsa sendiri sejak sekian lama. Manakala hidayah al-Quran pula mendidik setiap muslim untuk meneroka Kitab Suci mereka sebagai imam serta *Dustur al-Hayah* setiap kali menghadapi kesukaran atau kebuntuan, terutama berkaitan ilmu, pengetahuan dan kehidupan sebagaimana yang dibudayakan oleh para sahabat r.a. dan *al-salaf al-salih* (Abdul Halim, t.th.). Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 89:

﴿وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِّلْمُسْلِمِينَ ۝٨٩﴾ [النحل: 89]

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.

Ketika mentafsirkan ayat ini, Ibn Kathir menyatakan bahawa pendapat Ibn Mas'ud r.a. yang mengatakan bahawa sesungguhnya al-Quran telah menerangkan kepada kita semua ilmu dan semua perkara, merupakan pendapat yang lebih umum dan lebih terangkum, kerana al-Quran

mengandung semua ilmu yang bermanfaat seperti khabar berita makhluk terdahulu, ilmu mengenai perkara yang bakal mendatang, semua perkara halal dan haram, serta apa jua yang diperlukan oleh manusia dalam urusan agama dan dunia mereka, serta urusan kehidupan mereka dan kekembalian mereka (Ibn Kathir, 1999).

Selari dengan susur galur huruf Jawi yang berasal daripada Bahasa Arab merangkap bahasa al-Quran, serta panduan dari ayat di atas dan amalan para salaf, inisiatif Allahyarham Tuan Guru Mohamed bin Abbas mencari petunjuk dari Kitab Suci ini merupakan satu langkah yang tepat dan berkat. Hasilnya beliau berjaya mencipta sebuah kod berasaskan huruf dalam Tulisan Jawi yang dijana dari pemahamannya terhadap surah-surah al-Quran.

Permasalahan Kajian

Kajian terdahulu secara umumnya menyebut bahawa Kod Jawi terhasil daripada usaha penelitian berterusan terhadap kandungan Kitab Suci al-Quran al-Karim. Walau bagaimanapun huraian lanjut mengenai konsep, kaedah atau pendekatan yang digunakan dalam penelitian ini tidak diterangkan secara terperinci. Ini kerana fokus kajian terdahulu lebih kepada aspek aplikasi atau implementasi Kod Jawi yang telah terbina mengikut skop kajian masing-masing. Justeru, kajian ini akan memberikan perincian tersebut, bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang proses pembangunan kod ini seperti yang telah dilalui oleh pengasasnya dan direkodkan oleh para pengikut rapat beliau di INSTAQLIM.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berasaskan analisis terhadap kajian terdahulu mengenai Kod Jawi. Selain itu, maklumat berkaitan turut diperolehi melalui sintesis terhadap observasi, temubual dan siri libat sama dengan para murid dan rakan seperjuangan yang hampir kepada Tuan Guru Mohamed Abbas. Dapatan daripada analisis dan sintesis terhadap maklumat yang diperolehi disusun dalam penulisan ini bagi memberikan gambaran umum tentang metodologi serta pendekatan yang diaplikasikan oleh beliau dalam menghasilkan Kod Jawi sesuai dengan kapasiti kajian ini yang terhad. Tidak dinafikan bahawa bagi memperincikan secara lebih spesifik setiap langkah dan pendekatan yang ditelusuri oleh beliau secara satu persatu, sebuah kajian yang lebih mendalam dengan jangka masa yang lebih luas diperlukan.

Latar Belakang Kod Jawi

Kod Jawi merupakan sebuah sistem pemaknaan terhadap setiap huruf dalam Tulisan Jawi berlandaskan cerapan tema umum daripada surah al-Quran. Ia diinovasikan oleh YBhg. Allahyarham Tuan Guru Mohamed bin Abbas, Pengasas Institut Tahfiz al-Quran Lil Muttaqin (INSTAQLIM), Semenyih, Selangor. Inovasi ini terhasil melalui sebuah perjalanan panjang yang dilalui oleh Allahyarham bersama al-Quran al-Karim dan INSTAQLIM (Nurul Syala, 2018). Kod lengkap bagi keseluruhan huruf Jawi ini telah mendapat pengesahan pendaftaran hak cipta daripada Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) pada tahun 2014 dengan nombor CRLY0001967, 2014 (Nurul Syala et. al, 2022).

Sistem pemaknaan dalam Kod Jawi dibina berdasarkan padanan setiap huruf dalam Tulisan Jawi bermula daripada huruf Alif hinggalah kepada huruf Ya' dengan surah-surah al-Quran mengikut tertib Mushaf Uthmani. Padanan huruf asal daripada Bahasa Arab dalam Tulisan Jawi dan surah dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 1: Padanan Huruf Asal daripada Bahasa Arab dalam Tulisan Jawi dengan Surah al-Quran

Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran	Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran
1.	ا	Al-Fatihah	16.	ط	Al-Nahl
2.	ب	Al-Baqarah	17.	ظ	Al-Israa
3.	ت	Al Imran	18.	ع	Al-Kahf
4.	ث	Al-Nisa'	19.	غ	Maryam
5.	ج	Al-Maidah	20.	ف	Taha
6.	ح	Al-An'am	21.	ق	Al-Anbiyaa
7.	خ	Al-A'raf	22.	ك	Al-Haj
8.	د	Al-Anfal	23.	ل	Al-Muuminun
9.	ذ	Al-Taubah	24.	م	Al-Nur
10.	ر	Yunus	25.	ن	Al-Furqan
11.	ز	Hud	26.	و	Al-Syu'araa
12.	س	Yusuf	27.	هـ	Al-Naml
13.	ش	Al-Ra'd	28.	لا	Al-Qasas
14.	ص	Ibrahim	29.	ء	Al-Ankabut
15.	ض	Al-Hijr	30.	ي	Al-Rum

Manakala padanan huruf tambahan daripada Bahasa Melayu dalam Tulisan Jawi dengan surah adalah seperti berikut:

Jadual 2: Padanan Huruf Tambahan daripada Bahasa Melayu dalam Tulisan Jawi dengan Surah al-Quran

Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran	Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran
1.	چ	Al-Maidah + al-An'am	4.	ک	Al-Haj + al-Muuminun
2.	غ	Maryam + Taha	5.	و	Al-Syu'araa + al-Naml
3.	ڦ	Taha + al-Anbiyaa	6.	ڻ	Luqman

Jika keseluruhan huruf dalam Tulisan Jawi digabungkan, padanannya adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3: Padanan Keseluruhan Huruf dalam Tulisan Jawi dengan Surah al-Quran

Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran	Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran
1.	ا	Al-Fatihah	19.	ع	Al-Kahf
2.	ب	Al-Baqarah	20.	غ	Maryam
3.	ت	Al Imran	21.	غ	Maryam + Taha
4.	ث	Al-Nisa'	22.	ف	Taha
5.	ج	Al-Maidah	23.	ڦ	Taha + al-Anbiyaa
6.	چ	Al-Maidah + al-An'am	24.	ق	Al-Anbiyaa
7.	ح	Al-An'am	25.	ك	Al-Haj
8.	خ	Al-A'raf	26.	ک	Al-Haj + al-Muuminun
9.	د	Al-Anfal	27.	ل	Al-Muuminun
10.	ذ	Al-Taubah	28.	م	Al-Nur
11.	ر	Yunus	29.	ن	Al-Furqan
12.	ز	Hud	30.	و	Al-Syu'araa
13.	س	Yusuf	31.	و	Al-Syu'araa + al-Naml

14.	ش	Al-Ra'd	32.	هـ	Al-Naml
15.	ص	Ibrahim	33.	لا	Al-Qasas
16.	ض	Al-Hijr	34.	ء	Al-Ankabut
17.	ط	Al-Nahl	35.	ي	Al-Rum
18.	ظ	Al-Israa	36.	ث	Luqman

Penelitian terhadap jadual-jadual di atas, mendapati bahawa tertib susunan huruf dalam Tulisan Jawi, serta susunan surah mengikut Mushaf Uthmani menjadi asas utama kepada proses pepadanan ini. Kedua-duanya disusun mengikut standard dan amalan yang muktamad dalam disiplin ilmu masing-masing. Huruf-huruf tambahan daripada Bahasa Melayu yang tiada dalam Bahasa Arab diberikan pemaknaan berdasarkan surah padanan bagi huruf sebelum dan selepasnya kecuali huruf terakhir iaitu 'Nya' (ن). Sebagai contoh bagi huruf 'Va' (و) yang terletak antara huruf 'Wa' (و) dan 'Ha' (هـ) padanan surahnya diambil dari padanan surah bagi huruf 'Wa' iaitu al-Syu'araa dan padanan surah bagi huruf 'Ha' iaitu al-Naml. Manakala bagi huruf 'Nya', oleh kerana ia merupakan huruf terakhir dalam susunan dan tiada lagi huruf lain yang mengapitnya, maka ia dipadankan secara tunggal dengan surah berikutnya dalam tertib mushaf iaitu Surah Luqman.

Berikut adalah kod yang dibina bagi setaip Huruf Jawi berdasarkan rumusan kandungan daripada setiap surah yang dipadankan dengannya mengikut perspektif pengasas:

Jadual 4: Kod Jawi bagi Keseluruhan Huruf berdasarkan Tema Surah al-Quran

Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran	Kod Jawi	Bil.	Huruf Jawi	Surah al-Quran	Kod Jawi
1.	ا	Al-Fatihah	Aturan	19.	ع	Al-Kahf	Strategi
2.	ب	Al-Baqarah	Dasar	20.	غ	Maryam	Teknologi
3.	ت	Al Imran	Ikatan/Sistem Rangkaian	21.	غ	Maryam + Taha	Teknologi pengurusan
4.	ث	Al-Nisa'	Hubungan	22.	ف	Taha	Kaedah pengurusan mentauhidkan dasar
5.	ج	Al-Maidah	Sumber	23.	ف	Taha + al-Anbiyaa	Kaedah pengurusan mentauhidkan hasil
6.	چ	Al-Maidah + al-An'am	Sumber dengan sifat	24.	ق	Al-Anbiyaa	Mentauhidkan dasar
7.	ح	Al-An'am	Sifat	25.	ك	Al-Haj	Kefahaman pengurusan modal insan
8.	خ	Al-A'raf	Pentadbiran	26.	ك	Al-Haj + al-Muuminun	Kefahaman pengurusan sumber tenaga
9.	د	Al-Anfal	Hasil	27.	ل	Al-Muuminun	Orang-orang yang beriman
10.	ذ	Al-Taubah	Pengampunan	28.	م	Al-Nur	Pedoman

11.	ر	Yunus	Yakin	29.	ن	Al-Furqan	Pembeza
12.	ز	Hud	Mentauhidkan aturan	30.	و	Al-Syu'araa	Jelas
13.	س	Yusuf	Prinsip	31.	ز	Al-Syu'araa + al-Naml	Jeas berjemaah
14.	ش	Al-Ra'd	Penegasan	32.	هـ	Al-Naml	Jemaah
15.	ص	Ibrahim	Sikap	33.	لا	Al-Qasas	Cerita-cerita
16.	ض	Al-Hijr	Pengurusan sumber tenaga	34.	ء	Al-Ankabut	Muslihat
17.	ط	Al-Nahl	Kaedah pengurusan	35.	ي	Al-Rum	Tanda-tanda kejayaan
18.	ظ	Al-Israa	Imbas	36.	ث	Luqman	Mentauhidkan kejayaan sistem rangkaian

Selain dari mengukuhkan kembali jati diri Bangsa Melayu terutama dalam kalangan anak muda agar mereka mengenali, menghargai warisan bangsa, menguasai kembali ilmu yang ditulis oleh para sarjana melalui tulisan ini, serta menjiwai semula semangat yang tersirat di sebalik penggunaan huruf hijaiyah berasal dari Bahasa Arab ini, Kod Jawi dibangunkan sebagai salah satu usaha mengembalikan roh al-Quran dan al-Sunnah serta memartabatkan kembali dua teras utama agama Islam ini dalam semua lapangan kehidupan setiap individu dan masyarakat muslim, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 59:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ۝٥٩﴾
[النساء: 59]

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Perintah ini turut diperkukuhkan lagi oleh Rasulullah SAW dalam sabda baginda seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Abd al-Barr (Ibn Abd al-Barr, 1994):

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.
Maksudnya: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, selagi mana kamu berpegang dengan kedua-duanya nescaya kamu sekali-kali tidak akan sesat; Kitab Allah dan Sunnah NabiNya SAW.

Kod Jawi Sebagai Hasil *Tadabbur* al-Quran

Dalam usaha membangunkan Kod Jawi ini, Tuan Guru Mohamed bin Abbas telah mengikuti kaedah *tadabbur* secara berkala dan sistematik. Beliau telah memulakan penelitian beliau terhadap al-Quran dengan niat semata-mata untuk mengenal Allah SWT dengan lebih dekat. Besarnya kurniaan Allah, di dalam proses tersebut beliau menemui rumusan Kod Jawi yang benar-benar menjelaskan Maha Bijaksana lagi Maha Tahunya Allah berdasarkan keluasan ilmu yang ada di dalam KalamNya, seperti mana yang Allah jelaskan di dalam ayat 109, daripada Surah al-Kahfi:

﴿قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ۝ ١٠٩﴾ [الكهف: 109]

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan."

Penelitian yang dimulai dengan ayat pertama di dalam al-Quran, yakni firman Allah SWT:

﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾ [الفاتحة: 1]

Maksudnya: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.;

mula menjentik dalam benaknya persoalan 'Apa ada pada 'NAMA'? Signifikan persoalan ini terserlah pada perbahasan al-Imam Fahkr al-Din al-Raziy dalam tafsir *al-Basmalah*, melalui pernyataan bahawa pengetahuan mengenai sesuatu nama tidak akan terhasil melainkan setelah didahului oleh pengetahuan tentang hakikat perkara yang dinamakan tersebut seperti sifat, ciri, fungsi, matlamat dan lain-lain yang berkaitan dengannya (al-Fakhr al-Raziy, 1420H).

Justeru, penelitian dibuat satu persatu terhadap ayat pada setiap surah mengikut turutan. Rangkaian kefahaman apa ada pada 'nama' itu mula terjelas apabila penelitian tiba pada ayat

1, Surah Hud:

﴿الرَّ كِتَابٌ أَحْكَمَتْ ءَايَاتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۝ ١﴾ [هود: 1]

Maksudnya: Alif, Laam, Raa'. Al-Quran sebuah Kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuanNya=

Berdasarkan penelitian kepada ayat ini, jika ayat-ayat di dalam kitab ini disusun rapi akan membentuk surah yang rapi, pastinya perkataan yang membentuk ayat itu juga disusun rapi. Di dalam pembentukkan perkataan/nama, unit yang paling terperinci terletak pada hurufnya. Berdasarkan ayat ini, sudah pasti huruf-huruf yang membentuk perkataan/nama juga disusun rapi. Oleh itu, kerapian huruf menjadi unit yang paling kecil perlu diteliti. Dari ayat ini, ada petunjuk yang jelas bahawasanya terdapat keterkaitan yang sangat rapat di antara kerapian huruf dan kerapian surah. Para mufasir besar tersohor seperti al-Imam al-Tabariy, al-Raziy dan Ibn Kathir ketika mentafsirkan ayat ini telah menegaskan bahawa setiap lafaz yang membentuk ayat al-Quran dengan begitu rapi, kuat dan sempurna, adalah berada pada puncak ketepatan dan


keutuhan bahasa yang tidak tercalar mahupun tercabar (al-Tabariy, 2001; al-Fakhr al-Razy, 1420H; Ibn Kathir, 1999). Menurut Ibn Kathir lagi, inilah hakikat makna yang difahami daripada riwayat-riwayat mengenai pandangan mufasir salaf terhadap kerapian al-Quran pada ungkapan (أَحْكَمَتْ آيَاتُهُ) dalam ayat di atas (Ibn Kathir, 1999).

Maka, di sini bermulanya penelitian Tuan Guru Mohamed bin Abbas terhadap kerapian susunan huruf dipadankan dengan kerapian susunan surah untuk memahami kolerasi di antara keduanya seperti yang tercatat di dalam Jadual 1.5. Penelitian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah *tadabbur* yang menjadi salah satu matlamat utama kepada penurunan al-Quran itu sendiri, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Sad, ayat 29:

﴿كُتِبَ أَنْزَلُهُ إِلَيْكَ مُبْرَكًا لِيَذَّبَ رُوحًا ءَايَاتِهِ وَلِيَذَّبَ رُوحًا أُولُوا الْأَلْبَابِ ۚ﴾ [ص: 29]

Maksudnya: (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

Menurut para mufasir, *tadabbur* dalam ayat ini bermaksud melakukan penaakulan terhadap makna yang terkandung di dalam ayat dengan lafaz-lafaz yang dipilih, struktur susunan yang digunakan, serta implikasi dan impak yang terhasil secara tersirat, serta rumusan pengajaran yang boleh disintesis daripadanya bagi menghasilkan ilmu, teori atau dapatan baharu untuk tindakan, pegangan dan amalan (al-Alusiy, 1994; al-Qasimiy, 1418H; al-Zamakhshariy, 1987). Dengan pemahaman yang hampir sama, Khalid al-Sabt, dalam kitabnya mengenai *Tadabbur al-Quran* merumuskan bahawa *tadabbur* adalah penelitian terhadap apa yang tersirat di sebalik makna, pengajaran dan maqasid yang dibawa oleh lafaz-lafaz dalam ayat, yang menghasilkan ilmu-ilmu bermanfaat dan membuahkan amalan-amalan luhur (al-Sabt, 2016). Dalam melakukan usaha *tadabbur* ini, Tuan Guru Mohamed bin Abbas mengaplikasikan Metodologi Tadabbur al-Quran yang disaran oleh Dr. H. Abas Asyafah dalam bukunya Konsep Tadabbur al-Quran. Buku ini menggariskan empat langkah utama yang menggabungkan elemen kefahaman dan kerohanian serta adab-adab yang perlu dipelihara ketika berinteraksi dengan Kitab Suci al-Quran seperti dihuraikan oleh para ulama mengikut disiplin Ilmu Tafsir dan Ulum al-Quran. Lakaran umum kerangka metodologi yang mengandungi langkah holistik dalam *Tadabbur al-Quran* ini adalah seperti dalam rajah berikut:



Rajah 1: Metodologi Tadabbur al-Quran Dr. H. Abas Asyafah (Abas, 2014).

Setiap poin yang terkandung dalam kerangka ini, diterangkan secara terperinci oleh pengarangnya sebagai panduan praktikal kepada para pembaca (Abas, 2014). Tuan Guru Mohamed Abbas mengikuti panduan yang diberi ini dengan penuh istiqamah, ditambah pula dengan amalan serta pendekatan personal yang digarap daripada pengetahuan dan pengalaman peribadinya sebagai pengasas institut tahfiz dan pengkaji al-Quran.


Proses ini mengambil masa lebih 15 tahun, setiap bait al-Quran itu dibaca berulang-ulang setiap hari, dicatat dan diamalkan di dalam kehidupan beliau untuk memperolehi kesimpulan kepada tema setiap surah sehingga dapat dipadatkan dalam beberapa perkataan atau satu perkataan sahaja (rujuk Jadual 5). Setiap satu huruf yang dipadankan dengan surah membawa makna pada setiap tema yang terhasil daripada surah tersebut. Apabila huruf-huruf ini dicantum membentuk perkataan ia akan boleh memberikan perincian yang mendalam kepada makna perkataan tersebut berdasarkan gabungan tema kesimpulan surah tadi. Padanan ini diujicuba di dalam beribu perkataan Bahasa Melayu untuk dikaji ketepatannya sehingga dapat disimpulkan bahawasanya telah cukup dengan 36 perkataan dan kesimpulan tema 31 surah untuk menjelaskan semua perkataan/nama yang boleh dieja di dalam Bahasa Melayu untuk menjawab soalan awal beliau tentang ‘apa ada pada NAMA’. Penemuan kesimpulan ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 31:

﴿وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝٣١﴾ [البقرة: 31]

Maksudnya: Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman:

"Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar."

Maha Suci Allah, hasrat Tuan Guru Mohamed bin Abbas pada awalnya meneliti al-Quran untuk mengenal Allah dimakbulkan. Melalui penemuan Kod Jawi ini, Allah menjelaskan bahawa Dia Maha Bijaksana dengan keluasan ilmu al-Quran yang merangkumi makna kepada tulisan jawi untuk memperolehi perincian kepada setiap perkataan/nama. Maha Pemurahnya Allah Yang memberikan ilmu kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Maha PenyayangNya Allah Yang memberikan satu ilmu yang dapat memudahkan umat manusia membuat penerokaan paduan pelbagai ilmu aqli yang dipimpin oleh ilmu naqli dengan menggunakan Kod Jawi, bertepatan dengan era digital ini. Moga dapat memberi manfaat kepada umat seluruhnya. Berikut adalah lima (5) langkah *tadabbur* yang telah dilalui selama lebih 15 tahun, hasil adaptasi metodologi *tadabbur* Dr. Abas Asyafah dan pendekatan personal Tuan Guru Mohamed bin Abbas, dalam penghasilan Kod Jawi:



Rajah 2: Metodologi *Tadabbur* Tuan Guru Mohamed bin Abbas dalam pembangunan Kod Jawi

Aplikasi Kod Jawi bagi menjelaskan semua perkataan/nama yang boleh dieja di dalam Bahasa Melayu bagi tujuan mencerap panduan terhadap sesuatu usaha atau projek yang membawa nama berkenaan, sangat selari dengan huraian al-Fakhr al-Razi dalam perbahasannya mengenai tafsir ayat di atas. Beliau menyatakan bahawa maksud mengajarkan nama-nama benda dalam ayat di atas ialah memberi pengetahuan mengenai sifat, ciri dan fungsi khusus setiap perkara tersebut kerana ilmu pengetahuan tentang hakikat sesuatu perkara dari sudut kegunaan serta

faedahnya lebih sempurna daripada sekadar hanya mengetahui nama, serta lebih selari dengan maksud untuk menunjukkan kelebihan Nabi Adam a.s. sebagaimana tersurat pada lafaz ayat (al-Fakhr al-Razi, 1420H). Lebih dari itu, ayat ini datang dalam konteks pemberitaan mengenai penciptaan dan perutusan seorang khalifah di muka bumi yang bertanggungjawab untuk memakmurkannya dan menunaikan perintah serta larangan Allah di atasnya. Khalifah yang bertanggungjawab untuk mewariskan perjuangan memakmurkan alam kepada kaum zuriatnya bagi memastikan alam ini terus lestari dan kehidupan makhluk di dalamnya terus sejahtera sehingga ke penghujung.

Implimentasi Hidayah al-Quran dalam Aplikasi Kod jawi

Antara keberhasilan yang telah dizahirkan melalui penggunaan kod ini ialah kejayaan membangunkan Skim Tabungan Ibadah Qurban dalam Talian (STIQDAT) dibawah kendalian Koperasi Urusan Ibadah Qurban Selangor dan Wilayah Persekutan. Skim ini dibangunkan dengan berinspirasi ayat 261, daripada Surah al-Baqarah:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ ۗ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ ۝٢٦١﴾ [البقرة: 261]

Maksudnya: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebutir benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

Perkataan ‘sebutir benih’ (حَبَّةٍ) di dalam ayat di atas dipilih sebagai kata kunci kepada ayat, untuk diekstrak makna tersirat di dalamnya menggunakan Kod Jawi sebagai panduan kepada pembangunan skim tabungan ini. Pemaknaan perkataan ini mengikut Kod Jawi dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 7: Kod Jawi Bagi Sebutir Benih.

Sebutir (سبوتير)		Benih (بنيه)	
Sin (س)	Prinsip	Ba (ب)	Dasar-dasar
Ba (ب)	Dasar-dasar	Nun (ن)	Pembeza
Wau (و)	Yang jelas	Ya (ي)	Tanda-tanda kejayaan
Ta (ت)	Sistem Rangkaian	Ha (هـ)	Jemaah
Ya (ي)	Tanda-tanda kejayaan		
Ra (ر)	Yakin		

Tabungan adalah umpama ‘menanam sebutir benih’ yang akan bercambah, berkembang dan membuahkan banyaak hasil. Justeru berdasarkan panduan Kod Jawi di atas, skim ini hendaklah dibangunkan dengan prinsip serta dasar yang jelas, diuruskan dengan sistem rangkaian yang sistematik, direncanakan agar mempunyai daya jaya yang meyakinkan, digerakkan dengan dasar dan pembeza yang ada tanda-tanda kejayaan serta dioperasikan secara berjemaah. Skim tabungan ini telah mengikut prinsip dan aturan yang betul apabila ia memperolehi kelulusan 100% patuh syariah dari Ahli Jawatankuasa Syariah ANGKASA. Ia juga dibuka untuk tabungan masyarakat bagi memberi manfaat yang besar kepada ummah setelah membuat tabungan selama tujuh tahun. Skim tabungan ini boleh dilayari di www.equrban.couniq.com untuk maklumat lanjut (Nurul Syala, 2018).

Dalam konteks pembangunan mampan seperti yang disasarkan oleh kerajaan seluruh dunia hari ini, sebuah kajian bagi melihat matlamat ini tercapai secara holistik tanpa mengabaikan sesetengah aspek kehidupan manusiawi berdasarkan Kod Jawi telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik terhadap frasa ‘Pembangunan Lestari’ (قېمباغونن لستاري). Hasil kajian mendapati bahawa setiap ‘pembangunan’ yang dibuat itu, perlu ada ‘kaedah pengurusan mentauhidkan hasil dengan adanya pedoman’ (قېم). Di dalam tafsiran Kod Jawi, perkataan ‘pedoman’ terkait langsung dengan Surah Al-Nur yakni cahaya (چېهاي). Ini bermakna pedoman yang diperlukan untuk pembangunan ini mesti ada (چ) sumber dengan sifat yakni ‘sumber’ dari Al-Quran, Sunnah dan sumber-sumber lain yang berkaitan seperti polisi, garis panduan pembangunan setempat dan seumpamanya. Dalam sesuatu usaha pembangunan pasti ada ‘Jemaah untuk diatur’ (ها) ataupun pekerja-pekerja yang perlu dan bersedia untuk diatur berlandaskan tanda-tanda kejayaan (ي), barulah pembangunan itu akan mencapai matlamat akhirnya. Di dalam Kod Jawi, huruf ya (ي) terletak pada surah al-Rum (Bangsa Rum) dan surah ini menceritakan tentang kejayaan bangsa Rum yakni satu kepimpinan empayar yang sangat hebat tanda-tanda kejayaannya. Pengurusan Jemaah atau para pekerja dengan tanda-tanda kejayaan memerlukan komitmen dari semua pihak dari peringkat kepimpinan sehinggalah ke peringkat pekerja yang paling bawah seperti yang dapat dicontohi dari ciri-ciri kepimpinan yang baik pada Bangsa Rum dengan menyisihkan sisi buruknya. Usaha ‘pembangunan’ itu juga perlu ada ‘dasar untuk mengatur’ (با). Huruf ba (ب) terkait langsung dengan Surah al-Baqarah yang menggariskan dasar-dasar penghidupan (sosial) dan perekonomian. Dasar-dasar hendaklah spesifik seperti digariskan oleh pihak berautoriti secara profesional, di mana para pemimpin dalam semua sektor akan dapat mengatur setiap urusan dengan lebih baik. Seterusnya, untuk mengatur setiap urusan perlu mengenalpasti penggunaan ‘teknologi pengurusan yang jelas’ (غو) yakni pemilihan teknologi yang tepat untuk melancarkan lagi urusan.

Bagi perkataan ‘lestari’, Kod Jawi menjelaskan bahawa untuk mencapai pembangunan lestari kita memerlukan ‘orang-orang yang beriman, yang ada prinsip’ (لس). ‘Orang-orang yang beriman’ (ل) yang ada prinsip (س) adalah orang-orang yang yakin dengan al-Quran sebagai panduan kehidupan dan berprinsip untuk melaksanakan aturan yang ada di dalam Al-Quran. Dengan adanya Al-Quran sebagai panduan, pastinya keputusan yang dibuat bukan mengikut nafsu tetapi berdasarkan petunjuk dan prinsip yang Allah pimpin. Huruf sin (س) terkait langsung dengan Surah Yusuf. Prinsip-prinsip yang ada pada Nabi Yusuf itu perlu diteliti dan perlu ada pada setiap yang ingin melaksanakan pembangunan lestari. Dari sini dapat dilihat bahawa, untuk mencapai keadaan yang lestari, usaha perlu dimulai dengan pembangunan diri. Perlu diterapkan prinsip-prinsip yang betul dari kecil seperti mana Nabi Yaakub mendidik Nabi Yusuf supaya mempunyai akhlak dan prinsip yang paling balik dari kecil lagi hingga dia berjaya menjadi pemimpin di Negeri Mesir. Bagi mencapai pembangunan lestari, ciri seterusnya yang perlu ada adalah ‘sistem rangkaian dengan adanya aturan’ (تا), yang melibatkan sistem rangkaian alam semesta yang merangkumi sistem rangkaian manusia itu sendiri. Semuanya ini perlu berada di dalam aturan yang betul. Adalah amat penting untuk sistem rangkaian ini berada di dalam aturan yang betul agar lebih lestari dan bertahan lama. Sebagai contoh jika berlaku kepincangan aturan di dalam sistem rangkaian ini seperti rasuah, riba dan sebagainya, ia akan membuatkan sebuah organisasi tidak bertahan lama dan boleh runtuh bila-bila masa. Akhirnya, untuk mewujudkan pembangunan yang lestari, orang-orang yang beriman tersebut perlu mempunyai ‘keyakinan dengan adanya tanda-tanda kejayaan’ (ري). Keyakinan hanya akan hadir apabila seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan yang tepat dan boleh menyerlahkan tanda-tanda kejayaan apabila dipraktikkan (Nurul Syala et, al., 2022).

Jika dilihat pada contoh di atas, jelas kepada kita bahawa menerusi Kod Jawi, para penerima manfaat secara langsung berusaha mendapatkan panduan mengenai sesuatu inisiatif yang bakal direalisasikan, daripada Kitab Suci al-Quran. Hal ini demikian adalah kerana pemaknaan huruf-huruf yang terkandung dalam projek atau inisiatif berkenaan sebagai panduan itu sendiri adalah berdasarkan usaha *tadabbur* yang dilaksanakan oleh pengasasnya, seperti yang diterangkan sebelum ini. Selain itu, dalam usaha untuk mendapatkan lebih pencerahan terhadap panduan yang diperolehi menerusi Kod Jawi, penghayatan ke atas surah berkenaan juga perlu dilakukan supaya petunjuk yang diperolehi akan terpandu dengan pengajaran-pengajaran daripada surah tersebut secara lebih spesifik. Ikhtiar nirmala ini merupakan sebahagian dari kasad kudus pengasas Kod Jawi dalam rangka menjadikan Kitab Suci al-Quran al-Karim sebagai dustur kehidupan sejati masyarakat muslim ketika memulakan apa jua usaha atau projek, agar perjalanannya menjadi lancar, matlamatnya dapat dicapai secara holistik dan keberkatannya berterusan serta berkembang luas.

Kesimpulan

Perbincangan di atas menyerlahkan sebahagian daripada keajaiban berterusan Kitab Suci al-Quran al-Karim seperti yang dinukilkan menerusi berbagai teks daripada para *al-salaf al-Salih*. Antaranya riwayat daripada Ali bin Abi Talib r.a. dan disandarkan kepada Rasulullah SAW mengenai kedudukan al-Quran sebagai penyelamat umat manusia daripada fitnah akhir zaman, yang antara lafaznya dengan jelas dan tegas menyebut (وَلَا تَقْضِيْ عَجَابُهُ) bermaksud “.. dan sekali-kali tidak akan berakhir keajaibannya..” (al-Tirmiziy, 2009). Lebih dari itu, hakikat ini terlebih dahulu telah diyakini dan diimani oleh sekumpulan jin yang mendengar sebahagian daripada ayat al-Quran dibaca oleh Rasulullah SAW sehingga membuatkan mereka terpegun dan terpacul ungkapan keimanan serta keakuran dari dalam diri mereka. Peristiwa ini terakam rapi dan abadi dalam ayat pertama, surah al-Jin:

﴿قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ۝۱﴾ [الجن: 1]

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Telah diwahyukan kepadaku, bahawa sesungguhnya: satu rombongan jin telah mendengar (al-Quran yang aku bacakan), lalu mereka (menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan) berkata: 'Sesungguhnya kami telah mendengar al-Quran (sebuah Kitab Suci) yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan!'

Pembangunan Kod Jawi merupakan sebuah ikhtiar berlandaskan keimanan serta keyakinan terhadap berbagai teks sahih yang memberi jaminan kejayaan serta keberhasilan kepada sebarang usaha mencari petunjuk atau panduan daripada Kitab Suci al-Quran. Antara teks paling autentik dalam konteks ini, firman Allah SWT sendiri dalam Surah al-Maidah ayat 15-16:

﴿يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِّمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُو عَنْ كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُّبِينٌ ۝١٥ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ۝١٦﴾ [المائدة: 15-16]

Maksudnya: Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad, s.a.w) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab Suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya

kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan (al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan mengeluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

Perbincangan ini juga menunjukkan bahawa Kod Jawi merupakan sebuah instrumen yang berpotensi untuk terus dimajukan dalam membantu masyarakat mendapatkan panduan atau petunjuk daripada Kitab Suci al-Quran, sebelum memulakan sesuatu usaha atau inisiatif bagi membantu keberhasilan dan kejayaannya secara holistik. Dengan memanfaatkan kecanggihan teknologi hari ini, Kod Jawi boleh dipersembahkan dalam platform yang lebih mesra pengguna dari segi capaian kepada sistem dan bantuan dari sudut pemahaman dan penghayatan bagi memudahkan proses implimentasinya secara khusus mengikut projek. Selain itu, terdapat juga keperluan untuk melatih lebih ramai tenaga mahir yang benar-benar menguasai selok belok kod ini dalam memberikan penerangan serta tata cara penggunaannya secara tertib sekali gus bertindak sebagai penasihat atau konsultan kepada para pengguna yang memerlukan.

Kejayaan membangunkan Kod Jawi ini, memyerlahkan keupayaan tokoh dari Alam Melayu Nusantara era digital dalam membuahkan sebuah inovasi daripada Kitab Suci al-Quran al-Karim. Lebih mengujakan, ia terhasil daripada istiqamahnya sebuah perjalanan *tadabbur* yang panjang dan sistematik, disertai dengan langkah dokumentasi yang baik sebagai rujukan kepada para pewaris, untuk memahami serta menghayati dengan lebih jelas apa yang dihasratkan oleh pengasasnya. Keberhasilan ini menjadi bukti kepada generasi masa kini bahawa Allah SWT tidak pernah lokek untuk mengangkat tokoh-tokoh hebat dari Daerah Nusantara ini tanpa mengira batasan waktu atau tempat, sehebat figura silam mereka, umpama al-Shaykh Daud al-Fatani, Profesor Hamka, Pendeta Za'ba, al-Shaykh Fadlullah al-Suhaimi dan lain-lain asalkan mereka berusaha keras dan bertawakkal dengan seikhlas hati kepada Allah SWT di atas landasan al-Quran dan al-Sunnah.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Kumpulan Penyelidikan Kearifan Nusantara, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah serta Kumpulan Penyelidikan Ilham Jawi, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia atas kerjasama kedua-dua pihak dalam membantu menyediakan keperluan dan memberi inspirasi bagi penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Abas Asyafah. (2014). *Konsep Tadabbur al-Quran*. Bandung: CV Maulanan Media Gafika.
- Abdul Halim Mahmud. (T.th.). *Al-Qur'an Fi Shahr al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Adnan Mohamed Yusoff, Muhammad Arif Musa & Ahmad Sanusi Azmi. *Khawas Al-Quraan Sebagai Elemen Pelengkap dalam Pengkaryaan Terjemahan al-Quran: Kajian Terhadap Kearifan 'Tafsir al-Rawi'*. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. 2022. Vol. 12. No. 1. 133-153. DOI: <https://doi.org/10.33102/jmq.v18i1.354>.
- Al-Alusiy, Mahmud bin Abdullah. (1415H/1994). *Ruh al-Ma'aniy Fi Tafsir al-Quraan al-Azim Wa al-Sab'al-Mathaniy*. Tah. Atiyyah, Aliy Abdul Bariy. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Dihlawiy, Abdul Haqq bin Sayf al-Din. (1435H/2014). *Lamma'at al-Tanqih Fi Sharh Mishkat al-Masabih*. Tah. Al-Nadawiy, Taqiy al-Din. Damsyiq: Dar al-Nawadir.
- Al-Fakhr al-Raziy, Muhammad bin Umar. (1420H). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Hakim al-Naysaburiy, Muhammad bin Abdullah. (1411H/1990). *Al-Mustadrak Ala al-Sahihayn*. Tah. Ata, Mustafa Abdul Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mawardiyy, Ali bin Muhammad. (T.th.). *al-Nukat Wa al-Uyun*. Tah. Al-Sayyid bin Abdul Maqsud. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Naysaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. (1374H/1955). *Sahih Muslim*. Tah. Abdul Baqiy, Muhammad Fuaad. Kaherah: Matba'ah Isa al-babiy al-Halabiy.
- Al-Tabariy, Muhammad bin Jarir. (1422H/2001). *Jamii al-Bayan An Ta'wil Ay al-Qur'an*. Tah. Al-Turkiy, Abdullah bin Abdul Muhsin. Kaherah: Dar Hajr Li al-Tibaah Wa al-Nashr Wa al-Tawzii Wa al-Iilan.
- Al-Tirmiziy, Muhammad bin Isa. (1430H/2009). *Sunan al-Tirmiziy*. Tah. Al-Arnaut, Shu'ayb et.al. T.tp: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-Zamakhshariy, Mahmud bin Umar. (1407H/1987). *Al-Kashshaf An Haqaiq Ghawamid al-Tanzil Wa Uyun al-Aqawil Wa Wujuh al-Taawil*. Kaherah: Dar al-Rayyan Li al-Turath.
- Al-Zuhayliy, Wahbah Mustafa. (1411H/1991). *Al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Shari'ah Wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Abd al-Barr, Yusuf bin Abd al-Barr. (1414H/1994). *Jami' Bayan al-'Ilm Wa Fadlih*. Tah. Abu al-Ashbal al-Zuhayriy. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawziy.
- Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir bin Muhammad. (1984). *Al-Tahrir Wa al-Tanwir Min Ilm al-Tafsir*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyah Li al-Nashr.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar. (1420H/1999). *Tafsir al-Quraan al-Azim*. Tah. Al-Salamah, Sami bin Muhammad. Riyadh: Dar Taybah Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- Noor Azam Abdul Rahman, Nurul Syala Abdul Latip & Indirawati Zahid. Persepsi Awal Terhadap Pengenalan Pembelajaran Kod Jawi. *Sains Insani*. 2024. Vol. 09. No. 2. 274-283. DOI: <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no2.668>.
- Nurul Syala Abdul Latip et, al. Perincian Definisi 'Pembangunan Lestari' Menggunakan Kod Jawi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 2022. Vol. 7. Issues: 50. 143-150. DOI: 10.55573/JISED.075013.
- Nurul Syala Abdul Latip. Daya Saing Tulisan Jawi dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi. *Sains Insani*. 2018. Vol. 03. NO. 1. 38-45. DOI: <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.22>.
- Tantawiy, Muhammad Sayyid. (1997). *Al-Tafsir al-Wasit Li al-Quraan al-Karim*. Kaherah: Dar al-Nahdah Misr Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'.